



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	LKIM BUKA PASAR BERGERAK DI LOKASI TERLIBAT BANJIR, ASTRO AWANI -ONLINE LKIM BANTU NELAYAN DI NEGERI TERJEJAS BANJIR, BANJIR MELANDA, SH -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3. 4. 5. 6. 7.	60 USAHAWAN FAMA BERPELUANG TERIMA BANTUAN MAFI, HM -ONLINE TABUNG MAFI BANTU USAHAWAN FAMA YANG TERJEJAS KERANA BAH, FIKRAH PAHANG -ONLINE FAMA TERIMA 500 KIT MAKANAN BANTU MANGSA BANJIR, BH -ONLINE FAMA AGIH 500 KIT MAKANAN UNTUK MANGSA BANJIR, FIKRAH PAHANG -ONLINE FAMA TERIMA 500 KIT MAKANAN SUMBANGAN FOOD BANK MALAYSIA, LOKAL, HM -6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11. 12.	TERMENUNG RM13 SEKILOGRAM, LOKAL, HM -6 CUACA TAK MENENTU PUNCA HARGA IKAN NAIK 3 KALI GANDA, NASIONAL, BH -6 ROUGH SEA WARNING FOR NEGERI SEMBILAN FISHERMEN, NEWS IN BRIEF, NST -13 CHICKEN FARMS MAY CLOSE DUE TO SCHEME EXTENSION, NATION, THE STAR -9 AGRICULTURE EXPORTS SPURT 64PCT TO 7.98MIL TONNES, FOREIGN, NANYANG SIANG PAU -A10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

LKIM buka pasar bergerak di lokasi terlibat banjir



Inisiatif itu diambil sebagai satu alternatif untuk membantu meringankan beban mangsa terkesan banjir. -Bernama

KUANTAN: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengaktifkan pasar bergerak di bawah agensinya ke lokasi terkesan banjir di seluruh negara yang menawarkan diskaun pembelian sehingga 30 peratus.

Pengerusinya Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata inisiatif itu diambil sebagai satu alternatif untuk membantu meringankan

beban mangsa terkesan banjir, selain menerusi pemberian bakul makanan secara percuma.

"Setakat ini, kami mempunyai lapan pasar bergerak yang akan dibuka di 160 lokasi berlainan bermula 9 pagi hingga 6 petang. Inisiatif ini bukan hanya membantu pengguna malah golongan nelayan turut mendapat manfaat terutama yang terjejas banjir," katanya.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata demikian pada sidang media selepas Program Ziarah Prihatin Pasca Banjir ke LKIM Pahang di Wisma LKIM Pahang di sini pada Isnin, yang turut dihadiri Ketua Pengarahnya Yusuff Othman.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata setakat ini, 277 nelayan di Selangor, Pahang dan Melaka menjadi mangsa banjir dengan anggaran kerugian RM2 juta meliputi kemusnahan harta benda dan peralatan menangkap ikan.

"Kami akan membantu mereka menerusi bantuan tunai sebanyak RM500 hingga RM1,000 setiap orang manakala melalui tabung bencana mereka layak menerima sehingga RM10,000 untuk memulakan penghidupan baharu," katanya.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata nelayan terlibat juga boleh menyertai Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang memperuntukkan RM80 juta untuk bantuan meliputi hasil perikanan, ternakan akuakultur, industri makanan dan asas tani serta agropelancongan.

Selain itu, beliau berkata 63 kakitangan LKIM turut terkesan banjir dan bantuan segera termasuk bantuan tunai diberikan kepada mereka.

-- BERNAMA

4/1/2022

SINAR

BANJIR

8

HARIAN

MELANDA

Nilai kerugian dianggarkan RM2 juta melibatkan kerosakan rumah, peralatan rumah dan peralatan menangkap ikan

Oleh NIK AMIRUL MU' MIN
NIK MIN

KUANTAN

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengenal pasti kerugian sebanyak 277 nelayan terjejas akibat banjir di Pahang, Selangor dan Melaka dengan anggaran kerugian mencecah RM2 juta.

Nilai kerugian yang dianggarkan itu melibatkan kerosakan rumah, peralatan rumah dan peralatan menangkap ikan.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, seramai 63 kakitangan agensi itu turut terjejas dalam kejadian banjir baru-baru

ini. Menurut beliau, bagi meringankan beban nelayan terjejas, LKIM menyediakan bantuan membaik pulih rumah sehingga RM10,000 dan bantuan peralatan RM1,000.

"LKIM kini sedang mengenal pasti kerugian sebenar ditanggung nelayan untuk penyaluran bantuan melalui Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

"Bagi kakitangan LKIM yang terjejas akibat bencana itu, kita telah bersetuju dan meluluskan bantuan RM2,000," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena lawatan pasca banjir dan penyerahan bantuan kepada kakitangan dan nelayan di Wisma LKIM, di sini pada Isnin.

Turut hadir, Ketua Pengarah

LKIM bantu nelayan di negeri terjejas banjir



Syed Abu Hussin (dua, kiri) menyampaikan bantuan kepada salah seorang nelayan di daerah Kuantan yang terjejas banjir pada majlis penyerahan bantuan itu di Wisma LKIM, Kuantan pada Isnin.

Menurutnya, sebanyak lapan pasar bergerak akan disediakan ke lokasi ditetapkan dengan sasaran operasi 20 kali sebulan di 160 lokasi.

"Harga barang keperluan yang ditawarkan 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran," katanya.

Mengulas tentang bekalan ikan ketika musim tengkujuh kali ini, beliau berkata, aktiviti nelayan dan pendaratan ikan di beberapa negeri masih berjalan termasuk di jeti LKIM di Kuantan.

"Hasil tinjauan saya ke jeti LKIM di sini mendapati bot-bot nelayan masih mendarat bersama hasil tangkapan dengan harga yang masih memuaskan.

"Bekalan ikan tidak hadapi masalah kerana tidak semua negeri terjejas banjir," katanya.

Sementara itu katanya, LKIM akan meneruskan program pasar bergerak bagi membantu rakyat khususnya penduduk di kawasan yang terjejas banjir mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih murah.

LKIM, Yusuff Othman.

Syed Abu Hussin berkata, pihaknya juga akan meneliti bentuk bantuan yang ada bagi membantu nelayan terjejas untuk kembali ke laut selepas banjir surut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

60 usahawan Fama berpeluang terima bantuan Mafi



ZAINAL Abidin (tengah) dan Saiful menyampaikan bantuan keperluan asas kepada kakitangan Fama Pahang di Kampung Padang Garuda yang terjejas banjir. FOTO Mohd Rafi Mamat

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyenarai pendek 60 usahawan terjejas banjir yang berpeluang menerima bantuan tabung bencana di bawah

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, usahawan pasar tani dan agro bazar yang peralatan dan barangan mereka rosak berpeluang menerima bantuan berkenaan.

Menurutnya, selepas laporan kerosakan diperolehi, pihaknya akan memohon bantuan tabung bencana Mafi sebagai usaha membantu golongan usahawan yang terjejas disebabkan bencana banjir minggu lalu.

"Suka saya jelaskan bantuan tabung bencana untuk usahawan Fama yang disediakan Mafi bukan ganti rugi sebaliknya hanya bantuan bagi meringankan beban mereka selepas barangan dan peralatan mereka rosak.

"Antara peralatan yang akan disediakan seperti meja, kerusi, rak meletak barangan dan payung.

"Saya menjangkakan jumlah usahawan yang terjejas kerana banjir akan bertambah berikutan gelombang kedua banjir kini sedang berlaku di beberapa negeri," katanya selepas lawatan pasca banjir di daerah ini, hari ini.

Turut sama Pengarah Fama Pahang Saiful Sadri.

Sempena program dua hari itu agihan bantuan keperluan asas dan wang ihsan diberikan kepada kakitangan Fama Pahang yang rumah mereka ditenggelami banjir minggu lalu.

Zainal Abidin berkata, bagi pekebun yang tanaman mereka musnah ditenggelami banjir, mereka berpeluang menerima bantuan tabung bencana Mafi yang diuruskan oleh Jabatan Pertanian Negeri.

Beliau menambah, bencana banjir minggu lalu turut membabitkan 100 kakitangan Fama seluruh negara dan jumlah mereka mungkin bertambah berikutan gelombang kedua banjir yang sedang melanda negara kini.

"Fama menyediakan 102.75 tan sayuran dan buah bernilai RM340,486 yang diagihkan kepada golongan memerlukan di bawah program Mafi Prihatin sejak Mei tahun lalu.

"Bantuan berkenaan diterima lebih 40,257 pengguna yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seterusnya bencana banjir yang sedang berlaku," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2022	FIKRAH PAHANG	ONLINE	

Tabung Mafi bantu usahawan FAMA yang terjejas kerana bah



KUANTAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyenarai pendek 60 usahawan yang terjejas banjir untuk menerima bantuan tabung bencana kendalian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Ketua Pengarah FAMA, Dato' Zainal Abidin Yang Razalli berkata, usahawan pasar tani dan agro bazar yang peralatan dan barangan mereka rosak akan menerima bantuan itu.

Menurutnya, selepas selesai laporan kerosakan diperoleh, pihaknya akan memohon bantuan tabung bencana Mafi.

“Bantuan untuk usahawan Fama yang disediakan Mafi bukan ganti rugi sebaliknya bantuan bagi meringankan beban mereka selepas barangan dan peralatan mereka rosak.

“Antara peralatan yang akan disediakan seperti meja, kerusi, rak meletak barangan dan payung. Saya menjangkakan jumlah usahawan yang terjejas kerana banjir akan bertambah berikutan gelombang kedua banjir ketika ini,” katanya selepas mengadakan lawatan pasca banjir di daerah ini, hari ini. Turut sama Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri. – MOHD IMRAN IZZAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

FAMA terima 500 kit makanan bantu mangsa banjir



Zainal Abidin (tengah) menyerahkan bantuan banjir kepada penduduk Kampung Semangat. FOTO NSTP/MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menerima 500 kit makanan sumbangan Food Bank Malaysia untuk diagihkan kepada mangsa banjir di dua daerah di Pahang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, sumbangan kali pertama diterima pihaknya

itu akan diberi kepada kepada mangsa banjir di daerah ini dan Pekan.

"Menerusi program MAFI Prihatin, lebih satu tan sayur dan bahan masakan disumbangkan kepada empat pusat pemindahan sementara (PPS) bagi penyediaan makanan.

Sumbangan diberikan bertujuan meringankan beban mangsa banjir termasuk pihak menguruskan empat PPS terbabit," katanya pada Majlis Serahan Sumbangan Bantuan Banjir oleh Mafi Prihatin dan Food Bank Malaysia kepada penduduk Kampung Semangat, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FAMA negeri, Saiful Sadri.

Zainal Abidin berkata, 500 kit makanan disumbangkan Food Bank Malaysia akan diagihkan secara berperingkat apabila mangsa banjir kini sudah pulang ke rumah mereka.

"Saya mengucapkan terima kasih diatas keprihatinan Food Bank Malaysia yang tampil membantu mangsa banjir di dua daerah di Pahang.

"Usaha yang dilakukan pihak terbabit diharap menjadi contoh kepada pihak lain untuk menghulurkan bantuan kepada mereka memerlukan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2022	FIKRAH PAHANG	ONLINE	

FAMA agih 500 kit makanan untuk mangsa banjir



KUANTAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menerima 500 kit makanan disumbangkan oleh Food Bank Malaysia untuk mangsa banjir daerah ini dan Pekan.

Ketua Pengarah FAMA, Dato' Zainal Abidin Yang Razalli berkata, kit makanan itu turut diberi bersama barangan keperluan asas Mafi Prihatin.

Menurutnya, Mafi Prihatin turut menyumbang lebih satu tan sayur dan bahan masakan bagi penyediaan makanan untuk diagihkan ke empat pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah ini dan Pekan.

Katanya, sumbangan yang diberikan diharap dapat meringankan beban mangsa banjir termasuk pihak yang menguruskan empat PPS terbabit.

“Usaha yang dilakukan pihak terbabit diharap menjadi contoh kepada pihak lain untuk menghulurkan bantuan kepada mereka memerlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Serahan Sumbangan Bantuan Banjir oleh Mafi Prihatin dan Food Bank Malaysia kepada penduduk Kampung Semangat, di sini hari ini. Turut sama Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri. – MOHD IMRAN IZZAD

LAUT BERGELORA: HARGA IKAN NAIK TIGA KALI GANDA

Temenung RM13 sekilogram

Oleh Noorazura
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Kadaan laut bergelora dan cuaca tidak menentu menyebabkan harga ikan di negeri ini melambung hampir tiga kali ganda sejak dua minggu lalu.

Ikan temenung atau ikan kembung yang menjadi antara menu harian penduduk didapati dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram berbanding hanya RM5 sekilogram awal bulan lalu.

Peniaga ikan, Khairul Nizam Othman, 42, berkata, bekalan ikan yang berkurangan menyebabkan peniaga di Pasar Besar Alor Setar terpaksa mengurangkan jumlah tempahan ikan hampir 70 peratus.

"Dahulu saya dapat jual ikan temenung kira-kira 500 kilogram (kg) sehari, tetapi sejak dua minggu lalu, saya hanya jual antara 100 hingga 200kg sahaja sehari."

"Bekalan ikan yang diterima berubah harga setiap hari sebelum ini saya pernah jual sehingga RM17 sekilogram, tetapi kelmarin turun



HARGA ikan yang dijual di Pasar Besar Alor Setar, semalam.

RM15, semalam RM14 dan hari ini pula RM13. Walaupun saya jual pada harga RM17 namun saya hanya untung tipis sama seperti hari ini (semalam).

"Ramai pelanggan merungut, namun mereka tetap beli, cuma kuantitinya sedikit berbanding kebiasaan," katanya, semalam.

Khairul Nizam menyifatkan bekalan ikan pada musim tengkujuh kali ini yang paling rendah sejak mula berniaga di pasar itu 18 tahun lalu.

Pelanggan, Rokiah Kulup, 67, berkata, dia hanya membeli ikan cukup untuk makan sehari berikutan kenaikan harga ikan tidak menentu.

"Dengan harga ikan sekarang saya tak mampu beli banyak, kadang-kadang beli tiga empat ekor saja tidak sampai setengah kilogram cukup untuk makan saya dan seorang anak yang duduk bersama di rumah."

"Saya juga tidak beli ikan untuk disimpan lama di dalam peti ais, sekiranya harga terus meningkat mungkin

saya akan selang-seli beli ikan yang ditenak seperti keli atau tilapia kerana harganya masih rendah," kata ibu tunggal berkenaan.

Nelayan di Tanjung Dawal, Adam Hussin, 38, berkata, dia hanya dapat keluar menangkap ikan dua kali dalam tempoh dua minggu berikutan keadaan cuaca buruk.

Katanya, walaupun harga hasil laut tinggi ketika ini namun dia perlu memikirkan keselamatan diri berikutan mempunyai keluarga yang perlu ditanggung.



Fama terima 500 kit makanan sumbangan Food Bank Malaysia

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menerima 500 kit makanan sumbangan Food Bank Malaysia untuk diagihkan kepada mangsa banjir di dua daerah di negeri ini.

Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, sumbangan kali pertama itu akan diberikan kepada mangsa banjir di daerah ini dan Pekan.

Menurutnya, menerusi program Mafi Prihatin, lebih satu tan sayur dan bahan masakan disumbangkan kepada empat pusat pemindahan sementara (PPS) bagi penyediaan makanan.

Katanya, sumbangan itu diharap dapat meringankan beban mangsa banjir termasuk pihak yang menguruskan empat PPS terbabit.

"Kakitangan Fama Pahang mengagihkan 500 kit makanan itu secara berperingkat terutama apabila

mangsa banjir pulang ke rumah mereka.

"Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Food Bank Malaysia membantu mangsa banjir dan ia diharap menjadi contoh kepada pihak lain untuk mengemukakan bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Serahan Sumbangan Bantuan Banjir oleh Mafi Prihatin dan Food Bank Malaysia kepada penduduk Kampung Semangat di sini, kelmarin.

Zainal Abidin berkata, bencana banjir gelombang kedua yang sedang melanda beberapa negeri tidak seburuk banjir gelombang pertama sebelum ini yang menyebabkan kemusnahan banyak harta benda termasuk tanaman.

Katanya, 100 kakitangan Fama seluruh negara turut menjadi mangsa banjir gelombang pertama akhir tahun lalu.



Barang keperluan harian seperti ayam, telur, ikan, minyak masak dan sayur-sayuran antara barangan terjejas bekalan akibat musim tengkujuh ketika tinjauan di Gat Lebuh Cecil Pasar Awam, Georgetown.

(Foto Mikail Ong/BH)

Cuaca tak menentu punca harga ikan naik 3 kali ganda

**Peniaga dakwa
bekalan kali ini
paling sedikit
sejak 18 tahun lalu**

Oleh Noorazura Abdul
Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Laut bergelora dan cuaca tidak menentu menyebabkan harga ikan di negeri ini melambung hampir tiga kali ganda, sejak dua minggu lalu.

Ikan temenung atau ikan kembung yang menjadi antara menu harian penduduk didapati dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram, berbanding hanya RM5 sekilogram awal bulan lalu.

Peniaga ikan, Khairul Nizam Othman, 42, berkata bekalan ikan yang menyusut sehingga 70 peratus menyukarkan peniaga di Pasar Besar Alor Setar.

"Dahulu saya dapat jual ikan temenung kira-kira 500 kilogram (kg) sehari. Tetapi sejak dua minggu lalu, saya hanya jual ap-

tara 100 hingga 200kg sehari.

"Bekalan ikan yang diterima berubah harga setiap hari. Sebelum ini saya pernah jual sehingga RM17 sekilogram, tetapi kelmarin (Sabtu) turun RM15, Semalam (kelmarin) RM14 dan hari ini (semalam) pula RM13. Walaupun saya jual pada harga RM17, namun saya hanya untung tipis, sama seperti hari ini (semalam).

"Ramai pelanggan merungut, namun mereka tetap beli. Cuma kuantitinya sedikit berbanding biasa," katanya semalam.

Khairul Nizam berkata, bekalan ikan pada musim tengkujuh kali ini paling sedikit sejak mula berniaga di pasar itu 18 tahun lalu.

Pelanggan, Rokiah Kulup, 67, berkata dia hanya membeli ikan untuk makan sehari berikutan kenaikan harga ikan yang tidak menentu.

"Dengan harga ikan sekarang saya tak mampu beli banyak. Kadang-kadang beli tiga empat ekor saja, tidak sampai setengah kilogram. Cukuplah untuk makan saya dan seorang anak yang duduk bersama di rumah.

"Saya juga tidak beli ikan untuk disimpan lama di dalam peti

ais. Jika harga terus meningkat, mungkin saya akan selang-seli beli ikan yang diternak seperti keli atau tilapia kerana harganya masih rendah," katanya.

Sementara itu, nelayan di Tanjung Dawal, Adam Hussin, 38, berkata dia hanya dapat keluar menangkap ikan dua kali dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini berikutan keadaan cuaca tidak elok ketika ini.

Katanya, walaupun harga hasil laut tinggi ketika ini, dia perlu memikirkan keselamatan diri berikutan mempunyai keluarga yang perlu ditanggung.

"Jika tidak silap saya, harga udang gred A kini mencecah RM65 sekilogram berbanding hanya RM50 sekilogram sebelum ini. Tapi apakan daya, ramai nelayan pantal sekarang tidak dapat keluar ke laut.

"Saya kini terpaksa berhutang untuk kelangsungan hidup bagi menara isteri dan tiga anak yang masih kecil. Keadaan cuaca ketika ini memang tidak mengizinkan.

"Jika saya turun pun mungkin hanya separuh jalan dan membazir duit mengisri petrol," katanya yang lebih 10 tahun menjadi nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2022	NST	NEWS IN BRIEF	13

Rough sea warning for Negri Sembilan fishermen

SEREMBAN

PEOPLE, especially fishermen, have been advised to postpone their activities at sea and along the coast of Negri Sembilan because of expected poor weather.

Melaka and Negri Sembilan Malaysian Maritime Enforcement Agency director Capt (Maritime) Haris Fadzillah Abdullah said tidal flooding was forecast in the state until tomorrow.

He said expected strong winds and choppy seas, with waves of up to 1.5m, could pose a danger to small boats.

“Most of the fishermen registered in the

state are Class A, who use small boats.

“If they have to go to sea, they must wear life jackets and ensure that their boats are in good condition.

“They must carry a personal locator beacon to facilitate (rescue) in case of an emergency and contact the state’s 24-hour maritime operations centre at 06-3876730 or 999 for help,” he said on Sunday.

The Malaysian Meteorological Department on Sunday issued continuous rain warnings at danger, severe and alert levels for Johor, Pahang, Negri Sembilan, Melaka, Sabah, Kelantan, Terengganu, Perak, Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya until today. **Bernama**

Chicken farms may close due to scheme extension

By TAN SIN CHOW
sctan@thestar.com.my

PETALING JAYA: The broiler and layer chicken industry is not happy that the Keluarga Malaysia maximum price control scheme (SHMKM) has been extended to Feb 4.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM) said with the heavy pressure from former price controls on chickens and eggs, it is very likely that some parts of the industry, especially small- and medium-sized farms – which have suffered huge losses – will have to stop operating in coming months.

"The rising cost of chicken and egg production is real and the industry is still suffering losses.

"In addition, the industry is still waiting for financial assistance such as soft loans or feed cost sub-



Suppliers' woes: The government's price control scheme extension is causing anxiety. — Bernama

sidies from the government.

"The continued loss of farmers' income will affect the production of the cheapest source of protein in our country.

"The authorities need to be concerned about the country's food security," the statement read.

Earlier, it was reported that the scheme, which was supposed to

end on Dec 31, had been extended until Feb 4 by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

The FLEAM hopes that the government will take action as soon as possible so that the industry will recover and continue the supply of chickens and eggs according to demand.

"Provision of subsidies as compensation to producers will help cover the losses experienced by the farmers.

"The government has to activate soft loans immediately to maintain the sustainability of the industry.

"Shorten and do not extend maximum price control periods so that the industry is released from economic constraints and continues to operate according to the economic forces of supply and demand," the statement read.

Headline	Agriculture exports spurt 64pct to 7.98mil tonnes		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	04 Jan 2022	Color	Full Color
Section	World News/Foreign	Circulation	27,667
Page No	A10	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,881
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,642



峇厘島居民元旦互相泼水狂欢，驱霉运求好运。

柬出口798万吨农产品增64%



(金边3日讯)据“柬埔寨头条”报道，柬埔寨农林渔业部长文沙坤1日指出，2021年柬埔寨出口798万吨农产品，同比增长63.8%。

文沙坤表示，柬埔寨的农产品出口到东南亚68个国家和地区，去年的出口总收入为49.6亿美元(约206.9亿令吉)。

据悉，柬埔寨出口的主要农产品，包括稻米、橡胶、木薯、芒果、香蕉、胡椒、腰果、玉米、棕油和烟草等。

他表示，总体而言，除了精米外，该国所有农产品的出口均出现大幅增长趋势。去年共出口61万7069吨精米，同比下降10.6%，去年精米出口收入为5.27亿美元(约

22亿令吉)。

他指出，中国仍然是柬埔寨最大的精米出口市场，去年对中国出口了30万9709吨精米，占出口总量的50.2%，增长7%。

除了精米，柬埔寨还向中国出口多种其他农产品，包括香蕉、芒果、木薯和腰果。

此外，去年柬埔寨向中国出口近37.7万吨新鲜香蕉、1万4246吨芒果酱和4771吨新鲜芒果、10万3918吨木薯片和淀粉、4552吨腰果。

据报道，农业是柬埔寨国民经济重要支柱产业之一，产值占国内生产总值(GDP)的20.8%，提供的就业机会约占全国总劳动人口的36%。

此前，柬埔寨政府确立了到2030年成为中等偏上收入国家，2050年成为高收入国家的目标。